



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

LJT Sulit 495 Jld. 8/(3)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

4 Mac 2025
3 Ramadan 1446H

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PEPERIKSAAN BERTULIS DI BAWAH BAHAGIAN I PERATURAN - PERATURAN JURUKUR TANAH BERLESEN 2011 DAN BAHAGIAN II PERATURAN - PERATURAN JURUKUR TANAH BERLESEN (PINDAAN) 2024

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa peruntukan berkenaan peperiksaan bertulis dalam Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 (Peraturan Ibu) terletak di bawah Peperiksaan Bahagian I. Dengan pewartaan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (pindaan) 2024 (PPJTB 2024) pada 22 Oktober 2024, maka peperiksaan bertulis telah diletakkan di bawah Peperiksaan Bahagian II.
3. Untuk makluman tuan/puan, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) telah mengeluarkan satu surat rujukan **LJT Sulit 495 Jld. 8/(2)** bertarikh **19 Februari 2025** bagi memaklumkan berkenaan dengan Peperiksaan Bahagian II – Amalan Kadaster dan Ukur Geomatik tahun 2025 yang akan diadakan pada **28 Mac 2025**.
4. Dalam hubungan ini, Lembaga dalam Mesyuarat Khas Lembaga bilangan 1/2025 pada 27 Februari 2025 telah memutuskan bahawa mana-mana individu yang telah berdaftar sebagai orang berartikel sebaik sebelum kuat kuasa PPJTB 2024 juga adalah layak untuk menduduki peperiksaan tersebut walaupun tempoh artikelnnya

kurang daripada dua (2) tahun. Ini adalah berdasarkan kepada peruntukan 'kecualian' di bawah PPJTB 2024 yang menyatakan bahawa ***“mana-mana orang berartikel yang belum menyelesaikan tugas amalnya dalam Bahagian II peperiksaan di bawah Bahagian V Peraturan-Peraturan ibu sebaik sebelum kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, boleh terus diuruskan di bawah Peraturan-Peraturan ibu dalam tempoh tiga tahun dari tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini seolah-olah Peraturan-Peraturan ibu tidak dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini”***.

5. Sehubungan dengan itu, mana-mana orang berartikel yang layak hendaklah memohon kepada LJT untuk menduduki peperiksaan tersebut dengan mengemukakan borang-borang dan jadual-jadual sepertimana di lampiran beserta resit bayaran fi peperiksaan sebelum **18 Mac 2025**.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)
Setiausaha Lembaga
Lembaga Juruukur Tanah
Malaysia

s.k.

1. Presiden
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)
2. Pengerusi
Bahagian Geomatik dan Ukur Tanah (GLS)
Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM)

BORANG PENDAFTARAN (MAKLUMAT CALON)

RUJ. TUAN: LJT Sulit 495 Jld.8/(2)

TARIKH :

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak
Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur

Tuan,

PEPERIKSAAN BAHAGIAN II - AMALAN KADASTER DAN UKUR GEOMATIK TAHUN 2025

Saya seperti maklumat di bawah memohon untuk menduduki Peperiksaan Bahagian II-
Amalan Kadaster dan Ukur Geomatik Tahun 2025 pada 28 Mac 2025.

1. Nama :
2. No. K/P :
3. Nama Syarikat Bekerja :
4. Alamat Surat Menyurat (Rasmi) :
5. No Telefon (Pejabat) (H/P) :
6. Emel :

Sila lampirkan bersama:

1. Borang Permohonan Peperiksaan (Jadual Kesepuluh)
2. Borang Perakuan Perkhidmatan di Bawah Artikel (Jadual Kesebelas)
3. Surat Lantikan sebagai pensusarah (jika berkenaan)
4. Slip pembayaran

TARIKH TUTUP PERMOHONAN & PEMBAYARAN : 18/3/2025

BAYARAN SEBANYAK RM200.00 (RINGGIT MALAYSIA DUA RATUS) PERLU DIBUAT MELALUI:



Biller Code: 2105
Ref-1: <No. HP>
Ref-2: <NAMA/exam kadaster 2025>

Peringatan : Bayaran yang telah didepositkan tetapi tidak dapat dikenal pasti pengirimnya akan dihantar ke Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara.

**"JADUAL KESEPULUH
[Subperaturan 22(1)]**

**AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH 2011**

PERMOHONAN UNTUK PEPERIKSAAN

**Kepada: Setiausaha,
Lembaga Juruukur Tanah**

**Saya, [No. K/P] memohon
untuk menduduki:**

- (i) Bahagian I peperiksaan dengan bayaran RM 400.00
setiap tugas - RM_____**
- (ii) Bahagian II peperiksaan dengan bayaran RM200.00
setiap kertas - RM_____**
- (iii) Bahagian III peperiksaan dengan bayaran RM 400.00
setiap kehadiran - RM_____**

Saya bersetuju untuk mematuhi kaedah-kaedah peperiksaan.

.....
Tandatangan pemohon

Tarikh :

"JADUAL KESEBELAS

[Perenggan 22(2)]

**AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011**

PERAKUAN PERKHIDMATAN DI BAWAH ARTIKEL

Saya, dengan ini memperakui seperti berikut:
(juruukur tanah berlesen)

(1) telah menjalankan tugas di bawah Artikel
(orang berartikel)

dalam amalan ukur tanah untuk tempoh..... tahun dan..... bulan
dari hingga

(2) Dalam tempoh tersebut orang berartikel telah menjalankan tugas untuk
di lapangan dan di pejabat untuk tahun dan bulan, yang
..... tahun dan bulan dalam ukur hakmilik dan tahun dan
..... bulan dalam ukur geomatik.

(3) Orang berartikel ini berupaya menjalankan ukur hakmilik dan ukur geomatik
secara bersendirian.

Bertarikh hari ini haribulan,

.....
Juruukur tanah berlesen